

Erti Sebuah Pengorbanan

Umat Islam bakal menyambut Hari Raya Aidiladha tidak lama lagi. Hari Raya Aidiladha ini juga dikenali sebagai Hari Raya Haji kerana diperintahkan juga di dalam bulan mulia tersebut bagi umat Islam yang berkemampuan untuk menunaikan ibadat haji ke tanah suci Mekah.

Semoga sambutan Aidiladha ini kita dapat meraikannya dalam keadaan makmur, sejahtera dan penuh keberkatan disamping menghayati konsep pengorbanan yang dituntut dalam Islam itu sendiri. Tuntutan tersebut termasuk sanggup berkorban masa, wang ringgit, jiwa raga, tenaga fikiran, perasaan serta kepentingan diri bagi memperolehi keredhaan Allah SWT. Ini termaktub melalui firman Allah dalam surah al-Ankabut ayat 69 yang bermaksud : "Dan orang-orang yang berjihad untuk (mencari keredhaan) Kami, nescaya Kami tunjukkan kepada mereka jalan Kami. Dan sesungguhnya Allah benar-benar bersama mereka yang berbuat baik."

Pengorbanan merupakan istilah yang menjelaskan kesediaan dan penyerahan diri seseorang individu tanpa sebarang paksaan. Pengorbanan lahir dari diri yang ikhlas dan tidak mengharap sebarang balasan. Korban itu sendiri membawa maksud – sesuatu cara atau jalan untuk mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu wa Ta‘ala, sama ada berbentuk benda, amal perbuatan atau niat. Korban sebagai simbol kesungguhan dan keikhlasan dalam mengerjakan ibadat, dilihat dalam dua bentuk ibadat:-

- i. Ibadat Khusus : Iaitu ibadat korban dengan melakukan penyembelihan binatang-binatang tertentu pada 10,11,12 dan 13 Zulhijjah. Bagi umat Islam, Hari Raya Aidiladha mempunyai nilai signifikan yang cukup tinggi yang memperlihatkan nilai-nilai pengorbanan, keikhlasan dan kesanggupan terpuji yang perlu dimiliki oleh setiap individu muslim.
- ii. Ibadat Umum : Iaitu melakukan pengorbanan di dalam melaksanakan tanggungjawab samada terhadap kerjaya, masyarakat dan negara.

Konsep pengorbanan bukan hanya terbatas pada ibadah semata-mata bahkan ia harus diterapkan dalam apa saja pekerjaan termasuk dalam menjalankan tugas. Konsep pengorbanan ini sebenarnya juga amat signifikan dan perlu dihayati dalam konteks melaksanakan tanggungjawab termasuklah sebagai penjawat awam. Kesungguhan bekerja, kesanggupan melakukan tugas-tugas walaupun melebihi masa dan kadar upah yang diterima.

Pengorbanan juga adalah berkaitan dengan kesanggupan berada jauh dari keluarga dan kampung halaman, semata-mata untuk melaksanakan tugas yang digalas. Pengorbanan dalam menjalankan tugas mencerminkan keikhlasan seterusnya manjadikannya sebagai salah satu ibadah. Seseorang yang hanya melakukan satu pekerjaan semata-mata untuk mendapat habuan dan faedah bukan merupakan pekerja yang cemerlang.

Dalam mengemudi kehidupan sehari-hari, setiap individu perlulah menghayati konsep pengorbanan dalam perkara-perkara berikut:-

- i. Melakukan pengorbanan dengan meninggalkan sesuatu keinginan yang boleh mendekatkan diri pada Tuhan.
- ii. Melakukan pengorbanan dengan melaksanakan kewajipan terhadap kerjaya serta tanggungjawab terhadap masyarakat dan negara, selagi ianya tidak menyalahi hukum Allah dan undang-undang.
- iii. Melakukan pengorbanan dengan mengenepikan kepentingan peribadi untuk memberi ruang dan peluang kepada orang yang lebih berhak. Kerana konsep agama adalah jelas, jika seseorang memberikan kebahagian kepada orang lain, maka Allah akan menggandakan kebahagiaan untuk dirinya, dan jika seseorang itu mengaibkan orang lain, maka Allah akan menggandakan keaiban ke atas dirinya.

Justeru, untuk kita memahami konsep pengorbanan, kisah pengorbanan Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail, merupakan model terbaik untuk kita contohi dengan mengambil pengajaran daripada peristiwa pengorbanan Nabi Ibrahim yang diuji oleh Allah, dengan satu ujian yang maha berat, iaitu diperintahkan untuk melakukan korban dan penyembelihan ke atas putera kesayangan baginda Nabi Ismail. Walaupun berat hati Nabi Ibrahim untuk melakukannya, namun atas dasar ketaatan kepada Allah, disusuli pula dengan permintaan puteranya Nabi Ismail supaya baginda melaksanakan perintah Allah, maka dengan penuh ketaqwaan Nabi Ibrahim bersedia melakukan korban ke atas puteranya itu.

Kesimpulannya, dalam melaksanakan amanah dan tanggungjawab kita sebagai hamba Allah dan sebagai penjawat awam yang berkhidmat untuk negara, kita memerlukan dua sifat utama iaitu amanah dan pengorbanan ke arah kebaikan akan menjana kecemerlangan. Pengorbanan seperti inilah yang dicari dan ianya tidak mustahil seandainya setiap daripada kita meletakkan niat bahawa setiap pekerjaan yang dilakukan ini adalah untuk mendapat keredhaan Allah semata-mata. Ibadat haji yang dilaksanakan pada setiap

tahun ini tentunya membawa bersama seribu satu pengajaran dan pendidikan dalam kehidupan sejagat.

Selamat Menyambut Hari Raya Aidiladha...